

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(II)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI
YB. H'NG MOOI LYE**

6. Seluruh dunia tengah mengalami ancaman penyakit COVID-19, Kerajaan Negeri telah pun mengambil inisiatif untuk mengatasi masalah.
 - (a) Adakah jadual bagi pergerakan disinfeksi pasar awam dan kompleks makanan akan diteruskan pada masa hadapan?
 - (b) Sila nyata kos pembelanjaran bagi MBSP dan MBPP untuk menjalankan disinfeksi bagi satu pusingan.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. (a) Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menjalankan kerja-kerja disinfeksi bagi kawasan tumpuan untuk mengekang penularan wabak COVID-19. Bagi kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), jadual kerja-kerja disinfeksi pasar awam dan kompleks makanan dalam pasar milik MBSP sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah dua (2) hari sekali. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pula tidak menjalankan kerja-kerja disinfeksi melalui kaedah semburan di pasar awam dan kompleks makanan. Aktiviti yang dilakukan oleh MBPP setakat ini hanya langkah-langkah pencegahan awal di lokasi tumpuan awam seperti pembersihan di butang-butang lif, pembersihan tandas dan pembersihan lantai dengan menggunakan bahan disinfeksi.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Pulau Pinang turut membantu Kerajaan Negeri menjalankan kerja-kerja disinfeksi dengan kekerapan sekali setiap pasar

awam. Setakat ini sejumlah 30 pasar awam telah dibuat disinfeksi iaitu 2 buah pasar di kawasan pulau dan 28 buah pasar di kawasan seberang.

Kerja-kerja disinfeksi akan dipertimbangkan untuk diteruskan secara berkala bergantung kepada keperluan semasa bagi membasmi penularan virus COVID-19 dan lain-lain bakteria berbahaya. Sebarang tindakan pencegahan dan disinfeksi yang dijalankan oleh kedua-dua PBT mendapat nasihat dan mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

- (b) Kos perbelanjaan bagi PBT untuk menjalankan kerja-kerja disinfeksi bagi satu (1) pusingan di pasar awam berjumlah RM1,387.00. Setakat ini Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM854,071.00 kepada kedua-dua PBT untuk menjalankan kerja-kerja disinfeksi sepanjang tempoh PKP.